

**SYARAT PENYERTAAN
PERTANDINGAN POSTER INOVASI DAN INTEGRITI
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA (JANM)
TAHUN 2016**

1. Tema poster adalah “**INOVASI & INTEGRITI PEMANGKIN MEREALISASI PERAKAUNAN AKRUAN**”. Poster perlu selari dengan tema dan mengandungi perkataan berkenaan.
2. Penyertaan TERBUKA kepada semua warga JANM di Bahagian, Negeri dan Cawangan. **Setiap peserta hanya dibenarkan menghantar satu (1) penyertaan sahaja.**
3. Penyediaan poster hendaklah menggunakan perisian komputer dengan reka bentuk berukuran 420 mm x 297 mm (A3) di dalam format JPEG / PNG / PDF.
4. Penyertaan hendaklah disertakan dengan borang penyertaan pertandingan yang lengkap.
5. Poster yang direka hendaklah bebas daripada unsur politik, perkauman dan isu yang menyentuh sensitiviti rakyat Malaysia.
6. Rekaan dan idea poster mestilah hasil ciptaan sendiri dan asli. Urus Setia mempunyai hak untuk menggugurkan penyertaan atau menarik balik hadiah yang telah dimenangi sekiranya didapati poster yang dihantar adalah tidak asli dan diplagiat. Urus Setia boleh mengambil tindakan terhadap kesalahan tersebut dan tidak akan bertanggungjawab terhadap kerugian yang dialami atas dakwaan karya tiruan.
7. Setiap penyertaan yang diterima tidak akan dikembalikan dan akan menjadi hak milik jabatan. Jabatan mempunyai hak untuk menggunakan poster yang diterima;
8. Jabatan mempunyai hak untuk mengubah suai poster yang direka cipta oleh peserta;
9. Keputusan panel hakim adalah **MUKTAMAD**. Sebarang surat menyurat / emel tidak akan dilayan.
10. Kriteria Penilaian yang ditetapkan adalah seperti berikut:

| BIL | KRITERIA | MARKAH |
|-----|--|--------|
| i) | KEASLIAN Poster yang dihasilkan memiliki rekabentuk asli dan disediakan khusus untuk tujuan pertandingan ini. Plagiat atau meniplak secara langsung atau tidak langsung dari segi reka bentuk dan penggunaan templat sedia ada tidak dibenarkan. | 20 |
| ii) | KREATIVITI, UNIK DAN IMPAK POSITIF Poster memiliki ciri-ciri unik, kreativiti baharu, paparan dan reka bentuk yang menarik serta mampu memberi kesan penghayatan tema kepada pembaca. | 45 |

| BIL | KRITERIA | MARKAH |
|------|---|--------|
| iii) | KELESTARIAN BAHASA Poster mempamerkan penggunaan istilah dan bahasa yang tepat, jelas serta tersusun kemas bagi tujuan menyampaikan mesej dan maksud tema dengan berkesan. | 20 |
| iv) | PERSEMBAHAN DAN KETRAMPILAN Poster dinilai secara keseluruhan dari segi kandungannya (kreatif / unik / menarik / berinformasi / jelas / asli / rupa bentuk visual / mesej berkesan) | 15 |

11. Hadiah

- | | | |
|------|----------------|-------------|
| 9.1. | Hadiah Pertama | – RM 300.00 |
| 9.2. | Hadiah Kedua | – RM 200.00 |
| 9.3. | Hadiah Ketiga | – RM 100.00 |

12. Penyertaan perlu sampai kepada Urus Setia sebelum atau pada **1 Julai 2016 (Jumaat)**. Penyertaan boleh dihantar secara pos, dengan tangan atau melalui emel ke upk@anm.gov.my

13. Sebarang maklumat lanjut boleh berhubung terus dengan Urus Setia di talian seperti di bawah :

- | | | |
|-------|-----------------------------|-------------------|
| 13.1. | Puan Mardiana bt Hj Mohamad | Tel : 03-88821033 |
| 13.2. | En Mohd Rizal b Mohd Sanosi | Tel : 03-88821043 |

Unit Dasar, Strategik dan Inovasi
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Jun 2016

